



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MYFUTUREJOBS TEMPATKAN HAMPIR 185,500 INDIVIDU DALAM PASARAN BURUH NEGARA SEJAK JUN 2020

1. Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara, **MYFutureJobs**, beroperasi Jun tahun lalu berjaya membantu **185,493 individu memperoleh pekerjaan**. Angka penempatan pekerjaan ini direkodkan sehingga **23 Februari 2021**. Manakala **161,603** adalah penempatan pekerjaan **bagi tahun 2020**.
2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) meletakkan **sasaran kenaikan** sekurang-kurangnya **20 peratus dalam jumlah penempatan pekerjaan menerusi MYFutureJobs, tahun ini berbanding tahun lalu**.
3. Perkhidmatan Pekerjaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berperanan sebagai **broker pekerjaan**, menerusi portal MYFutureJobs, menawarkan **137,041 kekosongan jawatan aktif**, sehingga **24 Februari 2021**. Jumlah ini mencerminkan kesan positif pemulihan ekonomi dan KSM yakin dengan kerjasama semua pihak terbabit, bilangan peluang pekerjaan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
4. Seramai **146,258 individu diambil bekerja** oleh majikan menerusi **Program Insentif Pengambilan Pekerja atau PenjanaKerjaya** sehingga **23 Februari** lalu, yang melibatkan **18,653 majikan**.
5. Sehingga kini, **lebih RM354.34 juta** telah dibayar sebagai insentif di bawah **Program PenjanaKerjaya 1.0 dan 2.0**.
6. Untuk memastikan manfaat PenjanaKerjaya 2.0 menjangkau lebih ramai rakyat di seluruh negara, KSM menganjurkan **Karnival PenjanaKerjaya Kebangsaan 2021 Kementerian Sumber Manusia** selama empat hari bermula Selasa, **23 Februari 2021** sehingga Jumaat, **26 Februari 2021**. Perasmian karnival pada hari ini menyaksikan pelancaran Portal MYFutureJobs, yang memainkan peranan penting menyokong Program PenjanaKerjaya.
7. Seramai **78 majikan** mengambil bahagian dalam karnival maya ini lebih daripada **10,000 peluang pekerjaan** ditawarkan.

8. Sepanjang hari pertama sesi temu duga dalam talian yang berlangsung semalam (24 Februari 2021), seramai **1,473** pencari kerja telah menjalani temu duga dan **51 orang** telahpun diambil bekerja.
9. Seramai **16,294** mendaftar sehingga semalam dan ini termasuklah **149** dalam kalangan Orang Kurang Upaya (**OKU**) yang mana terdapat 1,896 jawatan kosong yang ditawarkan untuk golongan tersebut.
10. Pencari kerja masih berpeluang untuk menghadiri temuduga secara dalam talian ini kerana esok adalah hari terakhir sesi temuduga terbuka.
11. Karnival ini turut memperkasakan usaha KSM dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat melalui beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai bersama beberapa agensi kerajaan dan swasta iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Microsoft Malaysia, Junior Achievement dan Brickfields Asia College (BAC) bertujuan memantapkan usahasama dalam meningkatkan peluang pekerjaan melalui portal MYFutureJobs yang diuruskan oleh PERKESO.
12. Sempena Karnival PenjanaKerjaya tahun ini, suatu inisiatif baharu iaitu **#TogetherWeStand**, yang diilhamkan bersama oleh KSM dan Kementerian Kewangan, diperkenalkan bertujuan mengalakkan majikan-majikan berganding bahu dengan kerajaan dalam menangani kadar pengangguran negara.
13. KSM komited untuk terus melaksanakan tanggungjawab menyediakan pelbagai platform bagi memadankan kekosongan jawatan dan pencari kerja melalui pelbagai inisiatif yang dirancang sepanjang tahun ini.

DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
25 FEBRUARI 2021